

SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 31 OGOS 2016

Hari Kebangsaan 2016 disambut tidak lama lagi. Seperti tahun sebelumnya, sambutan kali ini masih menggunakan tema yang sama iaitu 'Sehati Sejiwa'.

Tema *sehati sejiwa* masih dikekalkan sebagai tema Hari Kebangsaan 2016. Sehati Sejiwa adalah iltizam pembudayaan ketinggian sifat kesepaduan seluruh rakyat Malaysia dalam mempertahankan maruah dan martabat bangsa yang merentas dan melangkau ras, agama, kepercayaan, adat resam, darjat dan keturunan.

SEHATI SEJIWA merupakan wadah dalam membangkitkan semangat keintaan yang mendalam kepada negara

dan merangsang hati dan nurani setiap rakyat Malaysia untuk tetap setia menjunjung nusa. Berpaksikan sikap toleransi dan hormat menghormati, kita akan terus menghubungkan dan mengeratkan jalinan silaturrahim, teguh kukuh, bersama membina Malaysia.

Seperti kebiasaannya, sambutan Hari Kebangsaan akan diraikan di setiap negeri di seluruh negara pada 31 Ogos dan di peringkat kebangsaan pula, ia akan diadakan di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur, Rabu ini.

Dianggarkan, sambutan kali ini akan disertai hampir 15,000 peserta daripada pelbagai kontinjen termasuk sektor awam, swasta, pelajar dan anggota pasukan keselamatan negara.

INFO PERBARISAN, PERARAKAN DAN SAMBUTAN



Kontinjen perbarisan terdiri daripada:

- kontinjen pembawa bendera besar
- kontinjen negeri
- kontinjen perkhidmatan awam
- Persatuan Suri Perkhidmatan Awam
- kontinjen ekonomi
- kontinjen animasi
- kontinjen jati diri
- kontinjen ketenteraman awam
- kontinjen keselamatan negara
- kontinjen komponen rakyat bersepadu
- kontinjen pasukan pancaragam



Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terus menjadi kontinjen terbesar dan kali ini **3,600** anggota mengambil bahagian.

Perbarisan raksasa disertai hampir 15,000 peserta pelbagai kategori kontinjen termasuk sektor awam, agensi kerajaan dan serta swasta.



183 aset pertahanan ATM turut mengambil bahagian dalam persembahan udara dan perbarisan sempena sambutan Hari Kebangsaan tahun ini.



Sambutan Hari Kebangsaan kali ini turut disediakan dengan perarakan karakter animasi tempatan Boboiboy termasuk Yaya dan Didi, belon animasi gergasi dan pameran statik aset ketenteraan.

LOGO HARI KEBANGSAAN MALAYSIA 2016

Logo ini menggambarkan peta Malaysia termasuk Semenanjung serta Sabah dan Sarawak yang dikelilingi dalam bentuk hati.

Ia membawa maksud kesatuan rakyat Malaysia yang sehati sejiwa serta bersama-sama menjaga keamanan dan keharmonian negara.



BENTUK HATI

Lambang kesatuan rakyat Malaysia yang sekian lama hidup dalam aman, toleransi dan harmoni.



BULAN

Metafora keluhuran Islam sebagai agama rasmi negara.



BINTANG PECAH 14

Cermin perpaduan 13 negeri dan Kerajaan Persekutuan.



GARIS MERAH

Imej rakyat Malaysia yang berjaya besar dan berani.



PETA MALAYSIA

mengambarkan keakraban semua negeri bawah payung negara.



MALAYSIA
#sehatisejiwa


BIRU, MERAH, PUTIH, KUNING
Kombinasi warna Jalur Gemilang kebangsaan rakyat Malaysia.



MAKNA WARNA JALUR GEMILANG

KUNING: Digunakan pada bulan dan bintang adalah warna diraja yang melambangkan raja Melayu
PUTIH: Membawa maksud suci murni
MERAH: Pada jalur membawa maksud gagah berani

GABUNGAN MERAH, PUTIH, BIRU
Melambangkan setiakawan Persekutuan Tanah Melayu dan United Kingdom serta penyatuan Tanah Melayu dengan negara Komanwel.



Perbarisan turut disertai penampilan istimewa kontinjen sukan bagi mempromosikan acara sukan SEA 2017 serta menampilkan penyumbang pingat kontinjen Malaysia pada sukan Olimpik Rio 2016.

ATURCARA MAJLIS

- Sebelum 7 pagi • Kehadiran penonton dan kontinjen.
7-8 pagi • Ketibaan dif-dif jemputan, dif kenamaan dan pemimpin negara.
• Keberangkatan tiba Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.
8.10 pagi • Acara bermula
• Negaraku
• Acara Padang
• Persembahan Khas
• Acara Perbarisan
• Nyanyian Negaraku
• Keberangkatan pulang Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.
10.20 pagi • Dif jemputan dan pemimpin negara meninggalkan majlis.
10.30 pagi • Dif jemputan dan pemimpin negara meninggalkan majlis.
10.35 pagi • Majlis Bersurai.

Orang ramai yang berkunjung ke Dataran Merdeka Rabu ini sempena sambutan Hari Kebangsaan diminta memakai pakaian bertemakan warna **JALUR GEMILANG** (Merah Biru Kuning Putih).